

UNISSA tawar Program Tadabbur Al-Quran

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat akan menawarkan Program Tadabbur Al-Quran untuk orang ramai bagi Sesi Januari 2021 Masihi.

Program Tadabbur Al-Quran bagi Sesi Januari ini akan diadakan selama enam minggu, iaitu pada setiap Ahad, bermula jam 8.30 pagi hingga 10.00 pagi (1 jam 30 minit) bertempat di kampus UNISSA.

Adapun tujuan Program Tadabbur Al-Quran ini khusus diadakan untuk membimbing masyarakat awam dalam memberikan kefahaman dan penghayatan kepada Al-Quran melalui rujukan dan kitab-kitab tafsir yang muktabar.

Ini selaras dengan konsep Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah Negara Zikir dan menuju ke arah rakyat celik Al-Quran sepertimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang ingin mendaftar bagi program ini bolehlah melayari pautan berikut, <https://bit.ly/PTQC4L>. Tarikh akhir pendaftaran adalah pada 2 Januari 2021, Jam 12.00 tengah hari.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA menerusi talian +673 2462000 sambungan

"Memahami & Menghayati Al-Qur'an"

قُرْآنُكُمْ تِلْكَ بِرَأْسِ الْقُرْآنِ

PROGRAM TADABBUR AL-QUR'AN
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

TEMPOH PROGRAM
6 MINGGU (SETIAP HARI AHAD)
JAM : 8.30 - 10.00 PAGI

YURAN PENYERTAAN
\$40 BAGI SETIAP MODUL

UNTUK PENDAFTARAN

02 JANUARI 2021
17 JANUARI 2021

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:
Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 347, Jalan Pasar Gadong
Gadong BE 1310
Negara Brunei Darussalam

346 2000 ext 304/202
+673 2462000 (Telefon / Whatsapp)
C4L@unissa.edu.bn
Centre for Leadership and Lifelong Learning

QR CODE
SCAN ME

204 / 202 atau melayari laman sesawang www.unissa.edu.bn atau menghantar e-mel ke C4L@unissa.edu.bn.

Penemuan barang tegahan

TEMBURONG, Sabtu, 19 Disember. - Sebuah kenderaan pacuan 4 roda ditahan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) di kawasan KM 16 Jabatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (SHOAS) kerana dipercayai ada membawa barang tegahan.

Kejadian tersebut berlaku pada 18 Disember 2020 sekitar jam 2.37 petang, bila mana maklumat risikan yang dikongsikan telah mengaktifkan keanggotaan Balai Polis Bangar untuk mengambil tindakan segera sehingga membawa kepada penahanan kenderaan tersebut.

Pemeriksaan kenderaan dijalankan dan telah menemukan sejumlah karton minuman keras disimpan di bahagian belakang bonet kenderaan yang ditutup dengan kain kanvas. Pemandu serta penumpang kemudian segera dibawa ke Balai Polis Bangar bagi menjalani siasatan awal.

Siasatan mendapati pemandu merupakan seorang lelaki warga negara tempatan berumur 37 tahun manakala penumpang ialah seorang lelaki penduduk tetap berumur 43 tahun disiasat mengenai penemuan sejumlah 30 karton, iaitu 720 tin minuman keras pelbagai jenama yang tersimpan dalam kenderaan yang dipandu.

Kertas penyiasatan dibuka, kedua-dua suspek dan barang rampasan diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) bagi penyiasatan lanjut.

PPDB ingin menyeru orang ramai untuk mengongsikan sebarang maklumat mengenai kegiatan jenayah ke Talian Kecemasan 993 atau mana-mana Balai Polis yang berdekatan ataupun menyalurkan maklumat berkenaan melalui e-mel



SEJUMLAH 30 karton, iaitu 720 tin minuman keras pelbagai jenama yang dirampas (atas), sementara gambar bawah, pemeriksaan kenderaan dijalankan dan menemukan sejumlah karton minuman keras disimpan di bahagian belakang bonet kenderaan, ditutup dengan kain kanvas.



Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

ke Laman Sesawang PPDB www.police.gov.bn atau di platform media sosial Instagram @upa.ppdb.

Peluang belajar Al-Quran secara talaqqi, musyafahah

قُرْآنُكُمْ تِلْكَ بِرَأْسِ الْقُرْآنِ

PROGRAM TALAQQI TILAWAH AL-QURAN BERSANAD

ANJURAN:
PUSAT KEPIMPINAN DAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

DENGAN KERJASAMA:
FAKULTI USULUDDIN UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

OBJEKTIF:
▶ Memberi peluang kepada masyarakat awam untuk belajar Al-Quran secara bertalaqqi dan musyafahah.
▶ Meningkatkan kualiti dan mutu bacaan para peserta.

TARIKH MULA PROGRAM:
15 Januari 2021 JUMAAT

TARIKH TUTUP PENDAFTARAN:
02 JANUARI 2021

PROGRAM BERTEMPAT DI:
KAMPUS UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

SCAN QR CODE UNTUK MENDAFTAR ATAU MENDAFTAR MELALUI LINK:
<https://bit.ly/Talaqqi01>
\$250 PER MODUL

KETERANGAN LANJUT:
Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
No. Tel: 2462000 ext 202/204
No. Hp: +673 8254347
Email: C4L@unissa.edu.bn

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat menawarkan Program Talaqqi Tilawah Al-Quran Bersanad bagi Sesi Januari 2021 Masihi, yang akan bermula pada 15 Januari 2021.

Program yang terbuka kepada orang ramai dengan yuran penyertaan sebanyak BND250 ini akan diadakan dua kali dalam seminggu, iaitu pada setiap Jumaat dan Ahad, bertempat di kampus universiti berkenaan.

Adapun tujuan khusus Program Talaqqi Tilawah Al-Quran Bersanad ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada masyarakat awam

belajar Al-Quran secara bertalaqqi dan musyafahah, di samping meningkatkan kualiti dan mutu bacaan masing-masing.

Orang ramai yang berminat bolehlah mendaftar melalui pautan <https://bit.ly/Talaqqi01>. Tarikh tutup pendaftaran bagi program ini adalah pada 2 Januari 2021, jam 12.00 tengah hari.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA menerusi talian +673 2462000 sambungan 202 / 204 atau WhatsApp ke nombor +673 8254374 atau e-mel ke C4L@unissa.edu.bn.